# Endon

## Tokoh Jarum Berlian Malaysia




SELAIN trofi Endon menerima sepasang kasut dan beg tangan sumbangan Lewre bermotifkan batik dengan taburan batu swarovski. Rafidah berkata sesuatu mengenai hadiah yang diterima Endon sambil diperhati pemenang Pertandingan Jarum Berlian 2004.

Oleh NORMALA HAMZAH

SESUATU keindahan itu tidak akan tercipta tanpa sentuhan seorang individu yang punya cita rasa dan cintakan keunikan.

Keindahan yang dimaksudkan itu pula tidak akan lahir tanpa usaha kerana ia bukan sesuatu yang mudah dan mampu dicapai dalam sekelip mata.

Sehubungan itu setiap insan yang lahir ke dunia diberi keistimewaan yang tersendiri bagi melahirkan sesuatu yang unik dan indah khususnya dalam memartabatkan warisan budaya bangsa.

Benarlah pepatah yang mengaitkan fesyen dan wanita, tidak dapat dipisahkan, ia bagaikan irama dan lagu. Pun begitu keindahannya tidak akan tersingkap tanpa ada tangan ajaib yang menyentuhnya, demikian juga dengan dunia fesyen.

Selain memperkatakan tentang sifon, georgete, songket, batik turut menjadi sebahagian daripada keindahan tersebut yang kini telah melekat dalam sanubari setiap rakyat di Malaysia.

Datangnya secara mendadak. Popularnya menjadi ikutan segenap lapisan masyarakat, malah kini batik telah berada di persada fesyen tanah air.

Daripada kain basahan, batik kini telah diketengahkan ke tahap yang membanggakan, disanjung dan menjadi pilihan dalam apa jua majlis. Pendek kata, batik menjadi kebanggaan kita, rakyat Malaysia.

Jutaan terima kasih dirakamkan buat **Datin Seri Endon Mahmood** yang telah mengambil daya usaha mengembalikan kegemilangan batik seterusnya memeriahkan semula dunia fesyen tanah air.

Bermula dengan kelahiran Buku *The Nyonya Kebaya : The Show case of Nyonya Kebayas From The Collection of* Datin Seri Endon




DATUK Jimmy Choo bersama trofi Anugerah Tokoh Jarum Berlian Antarabangsa yang di menanginya pada Malam Gala sempena MFKL 2004.

Mahmood yang dilancarkan November tahun lalu, Endon terus melangkah.

Sambil memuja keindahannya yang tidak lekang dek masa, Endon telah membawa koleksi kebaya nyonya dan aksesori milik peribadinya ke pameran *The Nyonya Kebaya* yang berlangsung di Balai Seni Lukis Negara dari 23 Februari hingga 27 April lalu.

Satu demi satu khazanah fesyen wanita dibongkar. Selepas kebaya Nyonya, Endon melancarkan program memaju dan mempromosi industri batik negara, "Kemahiran Batik Malaysia ke Persada Dunia," dalam tempoh tiga tahun.

Menurut Endon, batik merupakan warisan budaya yang juga perkara penting dalam kehidupan seharian rakyat negara ini.

"Ia satu paparan yang perlu kita hargai dan memakainya dengan penuh rasa bangga," Endon dipetik sebagai berkata pada pelancaran program tersebut tahun lalu.

### Pilihan

Usaha itu kini membuahkan hasil apabila batik menjadi pilihan wanita Malaysia dengan lelaki juga tidak kurang segaknya bergaya.

Sebut batik, maka terbayang wajah wanita pertama Malaysia yang menyuntik semula martabat batik dan fesyen warisan di negara ini.

Budi dan jasa tetap dikenang, Minggu Fesyen Kuala Lumpur (MFKL 2004) yang menutup tirainya baru-baru ini terpanggil memberi pengiktirafan kepada Datin Seri Endon Mahmood untuk menerima Anugerah Jarum Berlian Malaysia.

Anugerah ini diberi sebagai penghormatan kepada Endon yang telah memartabat semula batik di pentas fesyen peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sanjungan dan penghargaan itu dirakamkan menerusi anugerah Tokoh Jarum Berlian Malaysia. Sebuah trofi yang dicipta khas bagi anugerah ini membawa ilham dan konsep masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Sambil tegak berdiri sebagai lambang pohon beringin atas simbol manusia dan alam semula jadi, trofi ini membawa harapan rakyat Malaysia terhadap masa depan fesyen tempatan khasnya batik.

Trofi tersebut direka oleh Dhea Finecast, dibuat daripada pewter berkualiti bercampur emas putih dan kuning 24 karat serta ditaburi batu-batu kristal swarovski.

Sementara itu, penerima Anugerah Jarum Berlian Antarabangsa, **Prof. Datuk Jimmy Choo**, berbangga dengan penganugerahan tersebut yang disifatkan sebagai dorongan untuk beliau berkerja lebih kuat.

"Anugerah ini membuatkan saya berazam untuk berkerja lebih kuat sebagai menghargai penghormatan rakyat Malaysia terhadap saya," katanya.

Beliau percaya, setiap orang boleh mencapai kejayaan dalam apa juga bidang yang diceburi jika mereka berusaha bersungguh-sungguh dan mempunyai keyakinan yang tinggi.

Bahkan katanya, beliau sering mengingatkan diri sendiri bahawa kejayaan itu penting dalam kehidupan setiap individu.

"Saya rasa kita perlu bekerja dengan rajin dan tekun. Kita harus sentiasa merendah diri jangan berhenti belajar, berfikir dan merancang apa yang kita ingin lakukan setiap hari.

"Tapi dalam hidup kita juga perlu belajar bertenang dan bersabar, di samping menerima kesilapan serta belajar daripadanya," ujarnya.

Pereka kasut kelahiran Pulau Pinang tetapi mencipta nama di kota London ini, mula terkenal apabila diberi kepercayaan mereka kasut mendiang Puteri Diana.

Lahir dalam keluarga pembuat kasut, beliau mendapat pendidikan formal di *Cordwainers College, London*, sebelum membuka perniagaan sendiri di kota tersebut.

### Kejayaan

Beliau dianugerahkan pingat Honorary Order of the British Empire (OBE) oleh Ratu Elizabeth berikutan kejayaan dan kegigihan menerokai bidang tersebut.

"Kalau mahu menjadi seorang pereka berjaya, kita perlu lebih kreatif daripada orang lain dan fikirkan tentang rekaan yang boleh menggembirakan pelanggan. Jangan terlalu memandang wang atau keuntungan saja," katanya.

Mengenai penganjuran MFKL 2004, beliau menyifatkan usaha tersebut amat bermakna dalam perkembangan industri fesyen negara.

Melalui acara seperti ini, para pereka tempatan boleh bertukar-tukar idea terutama dengan pereka asing yang sedikit sebanyak mereka mungkin dapat belajar sesuatu yang baru.

Turut memeriahkan majlis Datuk Seri Rafidah Aziz selaku penaung MFKL 2004, **Tan Sri Hashim Makaruddin** Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan dan **Mohd. Nasir Ali**, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan.

Universiti untuk Semua





SAZZY pengacara Beat TV.

# Demam 'batik' landa Astro

Oleh Zul Husni Abdul Hamid

SEBAGAI menyokong usaha murni Yayasan Budi Penyayang Malaysia dalam mengembalikan kegemilangan industri batik tempatan menerusi kempen Batik Malaysia: Ciptaan Untuk Dunia, stesen televisyen satelit, Astro menerbitkan sebuah rancangan baru bertajuk *Alam Batik*.

Bersesuaian dengan judulnya, rancangan berbentuk infotainmen ini membawa penonton meninjau perkembangan batik tempatan terutama di sepanjang minggu kempen Batik Malaysia berlangsung.

Program itu menemui penonton di saluran Astro Ria, setiap Jumaat, mulai 3 Disember lalu pada jam 10 malam.

*Alam Batik* yang ke udara dalam lima episod menggandingkan bintang AF2, Fitri dan Putri Azureen sebagai pengacara bersama.

Episod pertama, *Alam Batik* mengupas semula diari pengenalan kempen Batik Malaysia. Cetusan idea dari perbincangan bersama Yayasan Budi Penyayang Malaysia di bawah naungan isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Endon Mahmood, Astro serta beberapa pertubuhan lain, seterusnya lahir rancangan untuk merangka kerja promosi sepanjang Disember bagi memantapkan lagi usaha membuka mata masyarakat Malaysia terhadap keindahan batik. Rancangan Alam Batik turut menemubual pereka fesyen terkenal, Bill Keith dan Iszal Ismail bagi mendapatkan pandangan mereka kaedah terbaik mengetengahkan batik.

Episod kedua yang ditayangkan 10 Disember lalu pula membawa penonton menjelajah ke Kelantan dan Terengganu dengan merakamkan proses penghasilan batik tempatan selain bertemu 'orang kuat' penyokong industri batik di Pantai Timur.

Menyusul 17 Disember bersama episod ketiga, Alam Batik memaparkan pula sedutan aktiviti promosi batik di sekitar Lembah Klang, pertunjukan fesyen bermotifkan batik, bazar dan tidak ketinggalan, saringan rekaan fesyen untuk merebut Piala Endon.

Sementara itu, episod keempat yang menemui penonton 24 Disember nanti memfokuskan perjalanan majlis pelancaran Minggu Batik Malaysia yang disempurnakan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim.

Tidak ketinggalan, turut disiarkan Majlis Gala Piala Seri Endon dan pertunjukan fesyen dari pameran dan bazar batik yang bakal diadakan di pelbagai lokasi sekitar Kuala Lumpur dari 10 hingga 19 Disember.

Program yang bakal berakhir pada 1 Januari 2005 itu turut menyorot semula peristiwa penting sepanjang Minggu Batik Malaysia, khusus kepada mereka yang tidak berkesempatan menyaksikan detik bersejarah itu.

Sehubungan itu, sepanjang Disember, Astro Ria menerusi Fiesta Batik turut menyajikan pelbagai program dan aktiviti menarik sepanjang minggu acara itu berlangsung.

Menyemarakkan lagi keindahan batik Malaysia di kaca televisyen, saluran ini juga mengambil inisiatif mengalu-alukan semua pengacara dan personaliti Astro muncul dengan penampilan bermotifkan batik.

Personaliti kesayangan Astro itu akan bergaya dengan rekaan batik berwarna warni menerusi rancangan terbitannya seperti *Muzik@Ria, Beat TV, Trek Selebriti, Malam Ini Linda* dan *Wayang Kita*.

Paling menarik, personaliti Astro turut menjayakan Batik Fun Walk yang akan diadakan pada jam 7.00 pagi di MTC, Kuala Lumpur, 12 Disember lalu.

Acara itu dijayakan pengacara Zainal Abas dan Raiana Abdul Rahman (*Malam ini Z&R*), Yasmin Hani (*Muzik@Ria*), Sazlini Shamsul Falak (*Beat TV*), Syed Hussein (*Beat TV*), Linda Onn (*Malam Ini Linda*) dan Arbaiah Ahmad Nazri (*Simply Bollywood*).

Mereka berjalan sejauh 3.8 kilometer sambil memperagakan busana batik rekaan terkini. Batik Fun Walk ini turut diserikan dengan persembahan bintang Akademi Fantasia 1 seperti Burn, Adi, Liza dan Azizi.



LINDA ONN menyerikan acara Batik Fun Walk.



LIZA Akademi Fantasia 1 menghiburkan peminat.



YANG DI-PERTUAN AGONG Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid menikmati juadah Hari Raya bersama-sama Abdullah dan isteri, Endon serta Najib dan isteri, Rosmah di Istana Negara sebelum menunaikan solat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Negara, kelmarin. – Gambar Bernama



ABDULLAH berbual bersama menteri Kabinet pada majlis rumah terbuka di PWTC, kelmarin.

# Rumah terbuka tingkat perpaduan rakyat: PM

**Oleh Magendran Rajagopal, Teh Kean Kiat dan KC Chong**

KUALA LUMPUR: Amalan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya dan musim perayaan lain wajar dianggap sebagai hari perpaduan nasional kerana dapat menyatupadukan rakyat pelbagai kaum walaupun Aidilfitri umpamanya disambut umat Islam saja, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Walaupun sambutan Aidilfitri untuk orang Islam, kini ia turut diraikan rakyat daripada semua kaum yang keluar dengan satu tujuan, iaitu untuk beraya bersama.

"Ini tanda tahap kemesraan dan perpaduan kaum amat tinggi. Mereka duduk semeja dan makan bersama, tiada tempat khas untuk orang Melayu, Cina atau India. Semua makan makanan sama.

"Saya yakin perpaduan kaum kini bertambah baik dan komposisi hadirin amat baik kerana orang Melayu, Cina, India semua datang beramai-ramai," katanya pada majlis rumah terbuka anjuran Perdana Menteri bersama menteri Kabinet, di sini kelmarin.

Abdullah berkata, 204,000 orang mengunjungi majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu. Lima dewan disediakan untuk pengunjung menjamu selera mulai jam 10 pagi hingga 5 petang.

Bagaimanapun tempoh itu dilanjutkan sehingga 6.30 petang kerana orang ramai masih tidak putus-putus mengunjunginya.

Abdullah bersama isteri, Datin Seri Endon Mahmood bersama menteri Kabinet beragama Islam lain serta isteri masing-masing meluangkan masa bersalam dan beramah mesra dengan orang ramai yang datang berduyun-duyun seawal jam 9 pagi.

Abdullah berkata, perayaan setiap kaum di negara ini wajar dianggap sebagai sambutan nasional dalam erti kata ia membabitkan semua kaum untuk meraikannya.

Beliau juga meluangkan masa bertegur sapa dengan orang ramai di semua lima dewan yang menyajikan makanan serta kuih muih tradisional.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ada reaksi positif daripada orang ramai memandangkan lebih ramai menghadiri majlis rumah terbuka yang dianjurkan oleh menteri Kabinet.

"Saya melihatnya sebagai manifestasi sokongan berterusan rakyat kepada kerajaan dan keyakinan mereka terhadap kerajaan serta pemimpin.

"Orang ramai menyambut baik perubahan ini di mana mereka boleh bertemu dengan anggota kerajaan dan berinteraksi pada masa yang sama. Wujud suasana positif dan kami harap dalam hal ini kita dapat menggalakkan lebih ramai orang untuk saling melawat," katanya.

Ditanya sama ada konsep baru menganjurkan perayaan seperti Aidilfitri di satu tempat itu akan diteruskan, Najib berkata ia terpulang kepada pendapat orang ramai.

"Saya akui wujud satu kelainan dalam suasana sambutan kali ini berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana menteri Kabinet mengadakan rumah terbuka masing-masing di tempat berlainan.

"Kita tunggu ulasan daripada orang ramai dan jika orang ramai suka dengannya saya tidak lihat mengapa kita tidak boleh teruskan dengan amalan ini," katanya.



ABDULLAH mendukung cucu saudaranya, Fahim Mikhail Razak diiringi Endon dan Najib beramah mesra dengan kanak-kanak pada majlis rumah terbuka di PWTC, kelmarin.



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy turut memeriahkan rumah terbuka Perdana Menteri dan menteri Kabinet di PWTC, kelmarin. – Gambar oleh Salim Shaari



WARGA KOTA bersesak untuk menghadiri rumah terbuka Perdana Menteri bersama menteri Kabinet di PWTC, kelmarin. – Gambar oleh Fathil Asri


SALIKIN SIDEK


BILL KEITH


BEATRICE LOOI


NAZLEEN NOOR


EMBUN dari Natrah Bujang.

# Interpretasi keindahan kebaya Nyonya

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
Foto SHAHRIL AZMAN ZAIN

KEINDAHAN siluet kebaya nyonya tiada terbatas yang memberikan keanggunan kepada susuk yang menggayakan pakaian itu hingga ke keunikan perincian yang menghiasi pakaian itu.

Tujuh pereka terkenal tempatan berjaya menginterpretasikan keindahan kebaya tersebut untuk melahirkan busana yang cantik, anggun dan moden.

Ia dipersembahkan dalam peragaan fesyen untuk Makan Malam Amal Nyonya Kebaya Splendour anjuran stesen televisyen, TV3 dan Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang).

Pada tema tertentu setiap pereka yang terdiri daripada Radzuan Radziwill, Nazleen Noor, Beatrice Looi, Salikin Sidek, Bill Keith, Natrah Bujang dan Shamsu Yusof menampilkan rekaan kebaya Nyonya yang kontemporari.

Transformasi kebaya Nyonya sebagai pakaian tradisional kepada busana yang lebih moden dan anggun dicetuskan melalui pelbagai kreativiti pereka.

Sejak berkurun lamanya, pemakaian kebaya Nyonya bukan saja dikaitkan dengan seni tetapi kemampuan pereka berimaginasi bagi mengindahkan pakaian itu.

Seperti temanya, *Fusion* Radzuan menggabungkan elemen baru dan lama untuk enam koleksi yang diperagakan pada majlis tersebut.

Kebanyakan pereka masih mengekalkan motif sulaman pada pakaian untuk mengindahkan koleksi tersebut.

Ketika mengekalkan siluet yang sama, Radzuan memberi suntikan moden untuk 'kebaya Nyonya'nya dengan pemilihan fabrik renda Perancis dan sifon.

Di samping sulaman tebuk lubang dan manik pada atasan busana, Radzuan turut menghiasi atasan itu dengan reben untuk mencipta garis yang lebih feminin.

Atasan yang kelihatan mewah dan elegan terutamanya dengan pemilihan fabrik renda itu digayakan dengan kain sarung bermotifkan batik.

Batik juga menjadi pilihan Beatrice untuk interpretasi kebaya Nyonya. Ia diilhamkan daripada hidupan dasar laut dengan paduan warna biru putih dalam setiap koleksi.

Sentuhan pereka itu lebih moden dengan rekaan atasan yang ringkas dan elegan sebagai koleksi pakaian petang seperti skirt, *dress*, atasan dan seluar.

*Simplicity* dan elegan juga turut menjadi elemen rekaan Nazleen yang tampil dengan koleksi batik hitam putih.

## Bersulam

Sementara pereka yang terkenal dengan koleksi klasiknya, Salikin pula mengekalkan elemen itu dalam koleksinya bagi majlis amal itu.

Koleksi kebaya Salikin yang kebanyakannya terdiri daripada kebaya labuh bersulam menggunakan fabrik songket dan batik.

Untuk koleksi Embun, Natrah memilih mengekalkan siluet kebaya yang klasik itu pada atasan busana.

Pada ketika mengadunkan elemen tradisional dan kontemporari, pereka memilih untuk memadankan fabrik renda Perancis dan batik dalam koleksinya.

Tidak ketinggalan pada majlis amal itu adalah peragaan pelbagai jenis kebaya Nyonya tradisional yang digayakan oleh *celebrity* televisyen TV3 dan 8TV serta bekas model terkenal tahun 80-an.

penuh oleh Endon yang juga merupakan Pengerusi Penyayang dalam usaha untuk mempromosikan keindahan warisan kebaya Nyonya sebagai tanda keindahan dan keunikan budaya Malaysia.

Lebih istimewa majlis makan malam yang bertemakan *A Night of Elegance* itu juga diadakan untuk mengumpul dana kebajikan kaum wanita yang memerlukan bantuan.

Hasil kutipan daripada penjualan meja pada malam itu yang bernilai lebih RM300,000 disalurkan kepada tiga buah rumah kebajikan iaitu Women's AIDS Organisation (WOA) Petaling Jaya, Pusat Kasih Sayang Klang dan Rumah Solehah, Cheras.

Endon turut hadir pada majlis makan malam amal itu bersama suaminya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Untuk mencapai temanya, setiap hadirin membanjiri dewan besar dekat Hotel Hilton Kuala Lumpur itu dengan berpakaian kebaya Nyonya.

Acara Nyonya Kebaya Splendour tersebut akan berterusan melalui pelbagai projek lain termasuk mengadakan pameran bergerak di seluruh negeri seperti Johor, Melaka dan Sarawak.

*Roadshow* tersebut diadakan untuk mendekati generasi muda melalui pelbagai agenda dalam memperkenalkan budaya Baba dan Nyonya.


MODEL Nasha Aziz menggayakan kebaya Nyonya sentuhan Radzuan Radziwill.